

Setiap pertuturan sebahagian daripada akhlak

Oleh Faizatul Nadia Mohd Tahir

Perkembangan mutakhir memperlihatkan kepada kita gejala akhlak dan disiplin remaja. Amat menyedihkan apabila sesetengahnya mati akibat penyalahgunaan dadah. Pelbagai pihak mengeluarkan hujah mereka, namun akhirnya ramai saling menuding jari sesama sendiri.

Rata-rata masyarakat kita pada hari ini kebingungan dengan fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.

Timbul pelbagai persoalan, apakah pihak sekolah selaku institusi pendidikan gagal menangani masalah itu? Bagaimana pula peranan ibu bapa dan keluarga? Bagaimana reaksi institusi agama menanganinya?

Namun, pada akhirnya ja-

wapan itu akan berbalik kepada diri sendiri. Begitulah pentingnya akhlak dalam pembangunan diri dan ummah.

Untuk menjadi insan yang berakhlak mulia adalah dengan meletakkan Allah sebagai tujuan. Allah tidak memandang hamba-Nya kerana wajah yang cantik dan tidak juga kerana harta, tetapi Allah memandang kepada amal baik serta takwa di dalam diri setiap hamba-Nya.

Penulis tertarik dengan satu petikan daripada tinta Ibnu Qayyim dalam kitabnya, *Tibb al-Qulub*: "Jantung hati sejahtera ialah yang selamat daripada kewujudan sebarang syirik kepada Allah. Bahkan mengikhhlaskan segala pengabdian untuk Allah sama ada dari segi kehendak, cinta, tawakal kembali kepada-Nya, me-

rendah diri kepada-Nya, takut dan harap."

Ini semua tidak memadai sehingga selamat tindakan seseorang dan hukumannya daripada mencontohi selain Rasulullah SAW.

Oleh itu, jantung hatinya menetapkan satu ketetapan pasti bahawa teladan dan contoh dalam ucapan dan perbuatannya hanya daripada Rasulullah SAW dan bukannya orang lain.

Berdasarkan kata-kata ini adalah insan yang akan pulang kepada Allah dengan selamat dan diterima dengan memiliki hati yang sejahtera iaitu hati bersih daripada segala penyakit kotor seperti syirik, riyak, sombong dan tidak takut akan seksaan Allah.

Akhlak yang baik adalah berlandaskan al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Jika hati kita berazam untuk

berpegang dengan jalan Allah, seiring dengan jalan benar, pasti hati sejahtera itu muncul di dalam diri kita.

Kadang-kadang kita tidak menyedari setiap yang kita tuturkan adalah sebahagian daripada akhlak.

Sebagai contoh perbualan kita di meja kopi yang mengambil masa berjam-jam. Kadangkala apabila lama bersembang tersasullah dengan pelbagai cerita dusta, umpat dan fitnah orang tertentu.

Ada mengatakan rosaknya sesetengah masyarakat Melayu kerana 'meja kopi' yang menelan usia dan membazir hayat. Ini kerana perbualan kosong yang langsung tidak memberikan faedah.

Bagaimanapun, setakat singgah minum dan berbual seketika dengan teman di meja kopi tidaklah salah,

cuma yang salah pendustaan dan sia-sia dalam perbualan, malah berlanjutan sampai menjadi suatu kelalalan.

Baiki akhlak seiring waktu

Waktu silih berganti, sama ada manusia menunggu untuk menyambutnya atau tidak mempedulikannya, ia datang dan pergi.

Ramai orang lupa waktu itu adalah makhluk Allah. Kita diciptakan dan diletakkan dalam perjalanannya. Tiada siapa mampu menghalang perjalanannya, melainkan Tuhan yang menentukannya.

Ya, waktu mengubah kita. Mengubah anggapan sesama manusia, mengubah benci dan cinta serta mengubah gembira dan duka.

Namun, waktu tidak boleh mengubah hakikat sesuatu di sisi Allah. Di si-

si-Nya, insan yang mulia tetap mulia walaupun manusia menghina. Insan yang keji di sisi-Nya tetap keji walaupun mulia pada pandangan manusia.

Semua pilihan di tangan kita untuk merah pandangan Allah atau manusia semata-mata. Waktu yang terus menjelang, mengejar si kaya dan si miskin. Ia terus menghambat ke perhentian masing-masing.

Ketika itu barulah kita dinilai hakikat sebenar antara insan beruntung atau rugi. Sebab itu, selagi ada waktu perbaikilah akhlak kita kerana bermula dengan indahnya akhlak, indahlah diri.

Penulis pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)